



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN MELAKA

RANCANGAN PERNIAGAAN KEUSAHAWANAN  
(ETR 300)

EMPHASIS CAR RENTAL  
Syarikat Penyewaan Kenderaan

Di sediakan untuk

MEDEC  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN MELAKA

Di sediakan oleh

AHMAD ANUAR BIN JUHARI	97065886
NORLIA BINTI IBRAHIM	97199048
NORHAZLIN BINTI TOHAR	97199030
NORFADZLI BIN MD. NORDIN	97066930
NOR AZNIZA BINTI RAZALI	97199023

KAJIAN SENILUKIS DAN SENIREKA  
UJAZAH SARJANA MUDA SENI REKA  
(SENI REKA GRAFIK)  
SESI DIS – APR 2000



# INSTITUT TEKNOLOGI MARA

## CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

28 Januari 2000

Tarikh:

Surat Tuan:

Surat Kami:

100-CM(AKA 37/B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka

Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771

Telefax: 06-563963

06-5591067

### KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Sarjana Muda Seni Lukis dan Seni Reka. di Universiti Teknologi MARA, Kampus Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran ETR 300 Asas Keusahawanan

Bil.	Nama Pelajar	No. ITM
1.	Norlia Ibrahim	97199048
2.	Norhazlin Tohar	97199030
3.	Nor Azniza Razali	97199023
4.	Nor Fazli Md. Nordin	97066930
5.	Ahmad Anuar Juhari	97065886


Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarluaskan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

SHAHRUL AZMAN SHAHBUDIN  
Ketua Kursus  
Seni Reka Grafik  
UiTM Kampus Melaka.  
b/p Provos



## **ISI KANDUNGAN:**

<b><u>Perkara:</u></b>	<b>M/S</b>
Pengenalan	1
Rasional Logo	2-4
Sekalung Penghargaan	5-7
Surat Penyerahan	8-9
Latar Belakang Rakan Kongsi	10-14
Latar Belakang Syarikat	15
Latar Belakang Projek	16-17
Matlamat dan Objektif	18-19
Surat Ikatan Perjanjian Perkongsian	20-25
Rancangan Pentadbiran	26-44
Rancangan Operasi	45-74
Rancangan Pemasaran	75-88
Rancangan Kewangan	89-96
Lampiran	97-101

## PENGENALAN

EMPHASIS CAR RENTAL merupakan sebuah pernagaan perkongsian yang memberi perkhidmatan penyewaan kenderaan pandu sendiri. Perniagaan ini dipilih kerana, ia merupakan sebuah perniagaan yang memberikan kemudahan pengangkutan bagi pelancong-pelancong asing yang inginkan kenderaan untuk penggunaan peribadi dalam tempoh jangka masa tertentu selain dari pengguna tempatan. Maka ia mempunyai potensi yang besar untuk maju.

Antara faktor yang membuatkan kami memilih perniagaan ini adalah kerana:

- Ia sentiasa mendapat sambutan ramai dari masa ke semasa terutama dari golongan pelancong luar dan dalam negara.
- Dapat memberikan kemudahan bagi mereka yang kurang berkemampuan memiliki kenderaan untuk penggunaan jangka pendek dan kecemasan atau sebagainya.
- Memberikan kemudahan kenderaan untuk kegunaan peribadi dalam jangka masa pendek untuk satu tujuan perniagaan

Perniagaan kami terletak di Bangunan Lobi Ketibaan di lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur . lokasi ini dipilih kerana ia merupakan kedudukan yang strategi iaitu berada di tempat ketibaan pelancong utama bagi negara ini. Salah satu keistimewaannya ialah ia merupakan tempat tumpuan utama bagi pelancong yang datang untuk tujuan melancong atau menjalankan urusan perniagaan. Secara tidak langsung pelancong atau pengguna tempatan dengan mudah untuk mendapatkan perkhidmatan kereta sewa.

## **RASIONAL LOGO**

### **Perkataan EMPHASIS**

Perkataan Emphasis bermaksud menitik berat atau mengambil berat terhadap sesuatu perkara secara sempurna, merupakan satu focus utama dalam perkhidmatan.

### **Bentuk Kereta**

Melambangkan bentuk erodinamik dan kepantasan dalam melaksanakan perniagaan.

### **Bulat**

Melambangkan kesepakatan di dalam setiap ahli perkongsi dan juga pekerja.

### **Car Rental**

Menerangkan tentang perkhidmatan sewa kereta.

### **Warna Biru**

Kesepadan dalam organisasi.

### **Warna Merah**

Semangat untuk mencapai matlamat dan berani menempuh rintangan serta cabaran.

### **Warna Hitam**

Melambangkan kepantasan dan keunggulan dalam perkhidmatan sewa kereta.